

# **Laporan Latihan Ilmiah Tahap Akhir**

## **Sistem Maklumat Penempahan Dan Pengagihan Komputer**

Perpustakaan SKTM

**Oleh**

**Zarina Binti Mohamad Roozi**

**WET000154**

**Di bawah bimbingan**

**Puan Norisma Binti Idris**

**&**

**Puan Norazlina Binti Khamis**

**Laporan Latihan Ilmiah ini diserahkan kepada  
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat**

**Universiti Malaya, Kuala Lumpur**

**2003**

**bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan**

**Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat**

## ABSTRAK

Sistem Maklumat Penempahan dan Pengagihan Komputer (SMPPK) merupakan satu sistem untuk merekodkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan segala urusan penempahan dan pengagihan komputer bagi seluruh pasukan tentera darat. SMPPK dibina khas untuk kegunaan Pusat Teknologi Maklumat (PUSTEKMA) dan pasukan-pasukan tentera darat. SMPPK berupaya untuk merekod, menyimpan, membuang, menambah dan mencapai kembali maklumat serta menjana laporan. Untuk membangunkan sistem ini, metodologi Model Air Terjun dengan Prototaip telah dipilih. Di samping itu, pelbagai teknik pengumpulan maklumat telah dipilih termasuklah melalui bahan bacaan, temuramah, pemerhatian dan pelayaran internet. Daripada maklumat-maklumat yang diperolehi, pelbagai keperluan fungsian dan keperluan bukan fungsian bagi sistem ini telah dikenalpasti. Untuk membangunkan antaramuka SMPPK, Microsoft Visual Basic 6.0 telah dipilih. Manakala untuk membangunkan pangkalan data perisian Microsoft Access 2000 telah dipilih. Teknik yang dipilih untuk permodelan data pula ialah Rajah Hubungan Entiti. Setelah siap pembangunan SMPPK, pengujian yang telah dijalankan termasuklah pengujian unit dan sebagainya. Diharapkan melalui pembangunan sistem ini, segala masalah yang dihadapi oleh PUSTEKMA dan pasukan-pasukan lain dalam tentera darat dapat diselesaikan.



## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan laporan Latihan Ilmiah I ini. Berbekalkan ketabahan, kesungguhan dan keinginan untuk menambah dan meluaskan ilmu pengetahuan dalam bidang yang dipelajari sekarang dapat juga saya menyiapkan laporan Latihan Ilmiah I dan II ini.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada keluarga saya yang disayangi di atas sokongan moral dan kewangan yang telah diberikan sepanjang saya menjalankan kajian untuk menyiapkan laporan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Puan Norisma Idris sebagai penyelia sepanjang latihan ilmiah ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada moderator iaitu Puan Norazlina Khamis di atas segala cadangan dan komen yang telah diberikan untuk memperbaiki dan menyempurnakan lagi latihan ilmiah ini.

Tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Pusat Teknologi Maklumat Tentera Darat (PUSTEKMA) kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menjalankan kajian ke atas masalah yang dihadapi untuk tujuan penyediaan latihan ilmiah ini.

Di samping itu juga penghargaan ini ditujukan kepada rakan saya Zamziba bt Ahmad Shatop bersama suami beliau kerana banyak membantu saya dalam membangunkan sistem ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih ini ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung terutamanya rakan saya Nina Azlin bt Ishak mahupun tidak langsung dalam menyiapkan projek latihan ilmiah ini.

Isi Kandungan

Penghargaan

Semua Pihak

Semua Pihak

## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1.1. Pengenalan Kepada Sistem Maklumat

### 1.1.2. Definisi Maklumat

### 1.2. Definisi Maklumat

### 1.3. Tujuan Projek

### 1.4. Objektif

### 1.5. Metodologi

### 1.6. Kesimpulan

### 1.7. Rujukan

## BAB 2: KAJIAN LITERATUR

### 2.1. Pengenalan kepada perisian yang terlibat

### 2.2. Rujukan



## ISI KANDUNGAN

Kandungan	Muka surat
-----------	------------

Abstrak	ii
---------	----

Penghargaan	iii
-------------	-----

Senarai Jadual	viii
----------------	------

Senarai Rajah	ix
---------------	----

### BAB 1 : PENGENALAN

1.1 : Pengenalan Kepada Sistem Maklumat	1
---	---

1.2 : Latar Belakang Projek	2
-----------------------------	---

1.3 : Definisi Masalah	3
------------------------	---

1.4 : Tujuan Projek	4
---------------------	---

1.5 : Objektif Projek	4
-----------------------	---

1.6 : Skop projek	4
-------------------	---

1.7 : Kepentingan SMPPK	5
-------------------------	---

1.8 : Penjadualan Projek	5
--------------------------	---

### BAB 2 : KAJIAN LITERASI

2.1 : Permasalahan-permasalah yang timbul	8
---	---

2.2 : Kajian Sistem	10
---------------------	----

## BAB 3 : METODOLOGI

3.1 : Pendahuluan	12
3.2 : Metodologi yang dipilih	12
3.3 : Teknik Pengumpulan Maklumat	14
3.4 : Analisa Temuramah	16

## BAB 4 : ANALISA SISTEM

4.1 : Pendahuluan	17
4.2 : Keperluan Fungsian	18
4.3 : Keperluan Bukan Fungsian	19
4.4 : Keperluan Perkakasan	20
4.5 : Keperluan Perisian	20

## BAB 5 : REKABENTUK SISTEM

5.1 :Pendahuluan	24
5.2 : Modul Sistem	26
5.3 : Rekabentuk Antaramuka Pengguna	28
5.4 :Rekabentuk Borang Input	31
5.5 : Rekabentuk Pangkalan Data	34

## BAB 6 : PERLAKSANAAN / PEMBANGUNAN SISTEM

6.1 : Pendahuluan	39
6.2 : Proses Pembangunan / Perlaksanaan Sistem	39

## BAB 7 : PENGUJIAN SISTEM

7.1 : Pendahuluan	41
7.2 : Hasil Pengujian Sistem	41

## BAB 8 : PERBINCANGAN

8.1 : Keputusan yang Diperolehi Hasil Daripada Pengujian	43
8.2 : Masalah yang timbul dan penyelesaiannya	46
8.3 : Kelebihan dan Kelemahan Sistem	47
8.4 : Peningkatan yang boleh dijalankan pada masa hadapan	48

## BAB 9 : KESIMPULAN

### Apendiks

Apendiks A : Borang Soalan Temuramah	51
Apendiks B : Borang Soalan Temuramah ( Pengujian )	52
Apendiks C : Pengkodan SMPPK	53
Apendiks D : Manual Pengguna	92

Rujukan	98
---------	----



## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
Jadual 1.1: Carta Gantt	7
Jadual 4.1: Jadual spesifikasi perkakasan	20
Jadual 5.1 : Jadual pasukan	36
Jadual 5.2 : Jadual Pengagihan	36
Jadual 5.3 : Jadual Penempahan	37
Jadual 5.4 : Jadual Pengguna	38
Rajah 5.1: Model Pengagihan	37
Rajah 5.2: Model Penempahan	38
Rajah 5.3: Antaramuka (Utang Piutang)	39
Rajah 5.4: Antaramuka (Gaji Pekerja)	40
Rajah 5.5: Antaramuka Modul	41
Rajah 5.6: Diagram Carta Alir	42
Rajah 5.7: Diagram Carta Alir	43
Rajah 5.8: Diagram Carta Alir	44
Rajah 5.9: Diagram Carta Alir	45
Rajah 5.10: Diagram Carta Alir	46
Rajah 5.11: Diagram Carta Alir	47
Rajah 5.12: Diagram Carta Alir	48
Rajah 5.13: Diagram Carta Alir	49
Rajah 5.14: Diagram Carta Alir	50
Rajah 5.15: Diagram Carta Alir	51
Rajah 5.16: Diagram Carta Alir	52
Rajah 5.17: Diagram Carta Alir	53
Rajah 5.18: Diagram Carta Alir	54
Rajah 5.19: Diagram Carta Alir	55
Rajah 5.20: Diagram Carta Alir	56
Rajah 5.21: Diagram Carta Alir	57
Rajah 5.22: Diagram Carta Alir	58
Rajah 5.23: Diagram Carta Alir	59
Rajah 5.24: Diagram Carta Alir	60
Rajah 5.25: Diagram Carta Alir	61
Rajah 5.26: Diagram Carta Alir	62
Rajah 5.27: Diagram Carta Alir	63
Rajah 5.28: Diagram Carta Alir	64
Rajah 5.29: Diagram Carta Alir	65
Rajah 5.30: Diagram Carta Alir	66
Rajah 5.31: Diagram Carta Alir	67
Rajah 5.32: Diagram Carta Alir	68
Rajah 5.33: Diagram Carta Alir	69
Rajah 5.34: Diagram Carta Alir	70
Rajah 5.35: Diagram Carta Alir	71
Rajah 5.36: Diagram Carta Alir	72
Rajah 5.37: Diagram Carta Alir	73
Rajah 5.38: Diagram Carta Alir	74
Rajah 5.39: Diagram Carta Alir	75
Rajah 5.40: Diagram Carta Alir	76
Rajah 5.41: Diagram Carta Alir	77
Rajah 5.42: Diagram Carta Alir	78
Rajah 5.43: Diagram Carta Alir	79
Rajah 5.44: Diagram Carta Alir	80
Rajah 5.45: Diagram Carta Alir	81
Rajah 5.46: Diagram Carta Alir	82
Rajah 5.47: Diagram Carta Alir	83
Rajah 5.48: Diagram Carta Alir	84
Rajah 5.49: Diagram Carta Alir	85
Rajah 5.50: Diagram Carta Alir	86
Rajah 5.51: Diagram Carta Alir	87
Rajah 5.52: Diagram Carta Alir	88
Rajah 5.53: Diagram Carta Alir	89
Rajah 5.54: Diagram Carta Alir	90
Rajah 5.55: Diagram Carta Alir	91
Rajah 5.56: Diagram Carta Alir	92
Rajah 5.57: Diagram Carta Alir	93
Rajah 5.58: Diagram Carta Alir	94
Rajah 5.59: Diagram Carta Alir	95
Rajah 5.60: Diagram Carta Alir	96
Rajah 5.61: Diagram Carta Alir	97
Rajah 5.62: Diagram Carta Alir	98
Rajah 5.63: Diagram Carta Alir	99
Rajah 5.64: Diagram Carta Alir	100

## SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
Rajah 2.1 : Antaramuka Sistem Pengagihan Komputer	11
Rajah 3.1 : Model Air Terjun dengan Prototaip	13
Rajah 3.2 : Carta pai yang menunjukkan persetujuan	16
Rajah 5.1 : Menu utama sistem	24
Rajah 5.2 : Carta Alir Sistem	25
Rajah 5.3 : Modul Penempahan	26
Rajah 5.4 : Modul Pengagihan	27
Rajah 5.5 : Modul Bantuan	28
Rajah 5.6 : Antaramuka Utama Sistem	29
Rajah 5.7 : Antaramuka Modul Penempahan	30
Rajah 5.8 : Antaramuka Modul Pengagihan	31
Rajah 5.9 : Borang input penempahan	32
Rajah 5. 10 : Borang input pengagihan 1	33
Rajah 5.11 : Borang input pengagihan 2	34
Rajah 5.12 : Rajah Hubungan Entiti bagi SMPPK	35
Rajah 5.13 : Rajah bagi Jadual Pengguna	35
Rajah 8.1 : Graf keputusan analisis antaramuka sistem	44
Rajah 8.2 : Carta pai yang menunjukkan analisis kebolehgunaan sistem	44 45
Rajah 8.3 : Graf yang menunjukkan keputusan analisis kesediaan fungsi sistem	

terhadap penggunaan perkataan dalam sistem

2.1 Pengiraan Keperluan Sistem

Sistem ini adalah merupakan sistem yang bertujuan untuk membantu pengguna dalam menguruskan data, termasuk membolehkan data tersebut dikemaskini serta membolehkan data tersebut diimpor dan eksport ke dan dari file yang berformat tertentu seperti spreadsheet dan sebagainya. Selain daripada itu, sistem ini juga akan membolehkan pengguna untuk melakukan operasi seperti menambah, mengedit, menghapus dan sebagainya.

Manakala mengenai data, data yang akan digunakan dalam sistem ini adalah data yang berkaitan dengan maklumat mengenai pengguna yang akan menggunakan sistem ini. Maklumat ini akan disimpan dalam bentuk database yang akan digunakan untuk menyimpan data pengguna.

Untuk tujuan ini, sistem ini akan menggunakan database yang akan menyimpan maklumat mengenai pengguna yang akan menggunakan sistem ini.

- Sistem ini akan mempunyai dua (2) modul iaitu:
- Modul pengguna
- Modul pentadbiran yang digunakan untuk menguruskan data
- Modul laporan
- Modul pengguna
- Modul pentadbiran



## **BAB 1 : PENGENALAN PROJEK**

### **1.1 Pengenalan Kepada Sistem Maklumat**

Sistem maklumat merangkumi segala aktiviti yang melibatkan pengumpulan, penyimpanan dan capaian kembali data, menolong menukarkan data kepada maklumat serta mengurus data dan maklumat. Semua aktiviti tersebut di atur bagi mencapai matlamat sesuatu organisasi di samping ia akan memudahkan segala urusan organisasi tersebut.

Maklumat merupakan data-data mentah yang telah diproses sementara teknologi maklumat merangkumi perkakasan dan perisian yang digunakan untuk melaksanakan tugas-tugas pemprosesan seperti pemindahan, penyimpanan, capaian, manipulasi dan paparan data.

Berikut adalah komponen-komponen sistem maklumat yang bekerja secara sepadu untuk memenuhi keperluan maklumat sesebuah organisasi :

- Satu atau lebih pangkalan data
- Atur cara penggunaan
- Perisian-perisian yang digunakan untuk aplikasi pangkalan data
- Perkakasan komputer
- Pengguna
- Tatacara

Kelebihan menggunakan sistem maklumat :

- Wujud satu sistem dengan aliran data yang lebih sistematik
- Menjamin kekonsistenan dan integriti data serta tidak berlaku lewahan data
- Mempunyai ciri-ciri dan kawalan keselamatan di mana maklumat sulit dan penting dapat dilindungi dari pengguna yang tidak sah.
- Menjimatkan kos manual dari segi penggunaan kertas.

## 1.2 Latar Belakang Projek

Sistem Maklumat Penempahan Dan Penerimaan Komputer ( SMPPK ) dibangunkan khas untuk kegunaan Pusat Teknologi Maklumat Tentera Darat ( PUSTEKMA ) dan pasukan-pasukan dalam tentera darat. PUSTEKMA merupakan orang tengah dalam urusan penempahan dan pengagihan komputer untuk seluruh pasukan bagi tentera darat di Malaysia. Sistem ini membolehkan pasukan-pasukan dalam tentera darat berinteraksi dengan PUSTEKMA secara terus untuk urusan-urusan yang melibatkan penempahan dan pengagihan komputer ini. SMPPK berfungsi untuk menguruskan data-data termasuklah menyimpan data dan mencapai kembali maklumat bagi urusan penempahan dan pengagihan komputer tentera darat di seluruh Malaysia. SMPPK juga akan dimuatkan dengan kemudahan bagi menambah dan menghapuskan rekod yang sedia ada bagi kemudahan pengguna.



### 1.3 Definisi Masalah

Kesedaran awal akan perlunya SMPPK timbul kerana faktor-faktor berikut:

- Belum wujud Sistem Berkomputer

Sehingga kini, segala urusan yang berkaitan penempahan dan pengagihan komputer masih dilakukan secara manual. Keadaan ini menyukarkan proses untuk mendapatkan atau mencapai kembali maklumat.

- Kemunculan teknologi baru

Memandangkan pada zaman sekarang teknologi komputer berkembang maju, pengurusan secara manual adalah kurang praktikal untuk digunakan. Ini kerana segala urusan yang berkaitan dengan capaian kembali maklumat, menyimpan data keselamatan data dan lain-lain amat dititikberatkan.

- Meningkatkan kecekapan

Aliran proses yang kurang cekap boleh menyebabkan kerugian bagi sesebuah organisasi termasuklah dari segi pengurusan masa, pengurusan maklumat dan sebagainya. Memandangkan sekarang ini era teknologi maklumat berkembang pesat, maka sistem ini akan dibangunkan bagi memudahkan menyimpan maklumat dan pencarian kembali maklumat dilakukan. Masalah yang timbul dari



sistem manual yang mana capaian kembali maklumat sukar dilakukan dengan kadar yang cepat.

#### **1.4 Tujuan Projek**

SMPPK merupakan satu sistem untuk merekodkan maklumat-maklumat yang berkaitan urusan penempahan dan pengagihan komputer bagi seluruh pasukan dalam tentera darat. SMPPK juga akan dilengkapi dengan kemudahan untuk menambah dan menghapuskan maklumat yang sedia ada bagi kemudahan pengguna.

#### **1.5 Objektif Projek**

1. Merekabentuk satu sistem yang boleh merekodkan dan menyimpan maklumat.
2. Merekabentuk satu sistem yang boleh mencapai kembali maklumat.
3. Merekabentuk satu sistem yang berkebolehan tinggi.

#### **1.6 Skop Projek**

1. SMPPK akan dibangunkan khas untuk kegunaan PUSTEKMA dan pasukan-pasukan dalam tentera darat dengan menggunakan kata laluan masing-masing.

2. Sistem ini membolehkan pengguna di setiap pasukan membuat tempahan komputer atau perkakasan komputer yang diperlukan secara terus menggunakan rangkaian setempat (LAN).
3. Sistem ini boleh merekodkan maklumat, menyimpan maklumat, membuang maklumat, menambah maklumat, mencapai kembali maklumat dan menjana laporan.
4. Sistem ini akan mempunyai satu pangkalan data yang boleh menyimpan segala maklumat yang berkaitan penempahan dan pengagihan komputer.

### **1.7 Kepentingan SMPPK**

1. Merekabentuk satu sistem yang boleh menjana laporan, merekodkan maklumat dan mencapai kembali maklumat.
2. Memberi kemudahan kepada PUSTEKMA dalam pengurusan yang melibatkan penempahan dan pengagihan komputer kepada setiap pasukan.
3. Mengelak berlakunya kesilapan semasa proses mencari maklumat.

### **1.8 Penjadualan Projek**

Bagi pembangunan sistem ini, saya telah merancang sistem ini secara berperingkat iaitu meliputi fasa kajian awal, fasa analisis, fasa rekabentuk, fasa pelaksanaan, fasa pengujian dan fasa dokumentasi. Dalam fasa kajian awal, objektif dan keperluan sistem ditentukan. Dalam fasa ini juga metodologi pembangunan sistem akan dipilih. Kemudian akan disusuli dengan fasa analisis yang mana dalam fasa ini segala keperluan sistem dan kehendak pengguna akan

dianalisis melalui beberapa kaedah kajian seperti temuramah dan sebagainya. Analisis juga dilakukan ke atas sistem yang telah wujud. Segala kelebihan dan kekurangan sistem akan dikaji. Seterusnya adalah fasa rekabentuk sistem di mana antaramuka pengguna dan pangkalan data bagi sistem akan direkabentuk. Setelah siap rekabentuk, ia akan dilaksanakan dalam fasa pelaksanaan dan seterusnya akan melalui fasa penyelenggaraan yang mana sistem yang telah siap akan diuji dan sebarang ralat akan diperbaiki dan diubah.

Tahap		Fasa	
1	Pengenalan	1	Pengenalan
2	Pengumpulan Maklumat	2	Pengumpulan Maklumat
3	Kajian Literatur	3	Kajian Literatur
4	Metodologi	4	Metodologi
5	Analisis	5	Analisis
6	Rekabentuk	6	Rekabentuk
7	Pembangunan Perlaksanaan	7	Pembangunan Perlaksanaan
8	Pengujian	8	Pengujian
9	Dokumentasi	9	Dokumentasi



Jadual 1.1 : Carta Gantt

ID	Task Name	Q3 02				Q4 02			Q1 03			Q2 03	
		Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mar	Apr	
1	Pengenalan												
2	Pengumpulan Maklumat												
3	Kajian Literasi												
4	Metodologi												
5	Analisis												
6	Rekabentuk												
7	Pembangunan/ Perlaksanaan												
8	Pengujian												
9	Dokumentasi												

## **BAB 2 : KAJIAN LITERASI**

Kajian literasi adalah penting dalam usaha untuk mendapatkan pengetahuan yang berkaitan dan dikira sebagai faktor-faktor penting untuk memenuhi objektif dan skop projek ini.

### **2.1 Permasalahan-permasalahan yang timbul**

Memandangkan sebelum ini segala urusan penyimpanan rekod dilakukan secara manual, ia telah banyak menimbulkan masalah. Di antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak PUSTEKMA ialah :

2.1.1 : Masalah dari segi untuk menentukan sesuatu pasukan telah mendapat haknya ataupun belum.

Sebelum ini, segala urusan mengenai pengagihan komputer ditentukan oleh Ahli Jawatankuasa Pemandu, PUSTEKMA hanya berperanan untuk mengagihkan bilangan perkakasan komputer yang telah ditetapkan pada setiap pasukan. Dalam hal ini, setiap pasukan susah untuk mengetahui samada pasukan tersebut telah mendapat haknya ataupun tidak. Ini berpunca daripada pengurusan yang dilakukan secara manual.

2.1.2 : Masalah untuk mengetahui baki stok yang masih belum diagihkan.

Ini kerana, rekod-rekod yang disimpan secara manual menyukarkan proses mendapat kembali maklumat apabila diperlukan.



#### 2.1.3 : Masalah untuk mengetahui pegangan setiap pasukan.

Memandangkan sebelum ini belum wujud sistem berkomputer bagi urusan penempahan dan pengagihan komputer, masalah untuk mengetahui pegangan komputer bagi setiap pasukan adalah sukar.

#### 2.1.4 : Masalah untuk membuat tempahan komputer.

Sebelum ini, untuk melakukan penempahan, setiap pasukan terpaksa menghantar wakil untuk ke PUSTEKMA untuk membuat tempahan tersebut. Keadaan ini menyebabkan masa telah terbuang.

#### 2.1.5 : Masalah untuk mengetahui perkakasan secara spesifik di pasukan mana ia berada.

Memandangkan sebelum ini, semua urusan yang berkaitan dengan penempahan dan pengagihan komputer dilakukan secara manual, maka capaian kembali maklumat susah dilakukan kerana pihak pengurusan terpaksa meneliti satu demi satu maklumat-maklumat yang didokumenkan. Hal ini menyebabkan masa yang panjang terpaksa digunakan bagi memperoleh maklumat jika dibandingkan dengan sistem berkomputer.

## 2.2 Kajian Sistem


Untuk memantapkan lagi pembangunan sesuatu sistem, kajian ke atas sistem yang sedia ada perlu bagi mengenalpasti kekurangan yang timbul. Dari itu, kita dapat memperbaiki kelemahan yang wujud. Di samping itu juga, kajian ke atas sistem yang hampir sama juga perlu dilakukan. Walaubagaimanapun, untuk SMPPK masih belum wujud satu sistem berkomputer sebelum ini. Jadi kajian dilakukan ke atas sistem seakan-akan SMPPK iaitu Sistem Pengagihan Komputer. Sistem ini pernah dibangunkan oleh pelajar yang menjalani latihan industri tetapi ia tidak digunakan memandangkan kemampuannya kurang memuaskan.

Di antara kelemahan yang diperoleh hasil kajian ke atas sistem tersebut ialah :

- Tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang baik. Sistem login yang digunakan masih boleh ditembusi.
- Secara keseluruhan sistem tersebut dibangunkan hanya menggunakan Microsoft Access termasuklah antaramukanya.
- Berlaku pengulangan maklumat pada paparan laporan.
- Perlu melalui banyak peringkat untuk mendapatkan maklumat yang terperinci.

Rajah 2 menunjukkan antaramuka Sistem Pengagihan Komputer yang telah dibangunkan.





Rajah 2 : Antaramuka Sistem Pengagihan Komputer

## **BAB 3 : METODOLOGI**

### **3.1 Pendahuluan**


Metodologi merupakan satu set panduan lengkap yang mengandungi model-model, kemudahan peralatan dan teknik-teknik khusus yang perlu diikuti dalam melaksanakan setiap aktiviti yang terdapat dalam kitar hayat pembangunan sistem. Ianya perlu di dalam kitar hayat pembangunan sistem bagi memastikan sistem dapat dibangunkan dengan teratur. Kaedah pembangunan yang dipilih mestilah bersesuaian dengan jenis sistem yang akan dibangunkan.

### **3.2 Metodologi yang dipilih**

Dalam sesuatu proses pembangunan sistem, terdapat beberapa fasa yang perlu dilalui. Fasa-fasa tersebut ialah:

- Analisa keperluan dan definisi
- Rekabentuk sistem
- Rekabentuk program
- Perlaksanaan program
- Pengujian unit
- Pengujian integrasi
- Pengujian sistem
- Penghantaran sistem
- Penyelenggaraan

Untuk itu, metodologi yang telah dipilih ialah Metodologi Model Air Terjun dengan Prototaip. Ia dipilih berasaskan kepada kelebihan-kelebihan yang terdapat pada model ini.



Rajah 3.1 : Model Air Terjun dengan Prototaip

### 3.2.1 : Kelebihan Model Air Terjun dengan Prototaip

Dalam model ini, prototaip menunjukkan sistem yang akan dibangunkan separuh siap yang mana ia akan membenarkan pelanggan dan pembangun untuk menilai sebahagian daripada aspek sistem yang dicadangkan. Keadaan ini dapat memberi gambaran serba sedikit mengenai sistem yang akan dibangunkan kepada pelanggan. Dalam model ini juga terdapat satu langkah penilaian yang mana ia bertujuan untuk memastikan



sistem telah melaksanakan semua keperluan yang telah dikenalpasti. Selain itu juga, terdapat langkah pengesahan yang mana ia bertujuan untuk memastikan setiap fungsi berjalan dengan betul. Dalam model ini, pemprototaipan yang akan digunakan ialah pemprototaipan antaramuka pengguna.

### **3.3 Teknik Pengumpulan Maklumat**

#### **3.3.1 : Bahan Bacaan**

Bahan bacaan merupakan sumber yang utama dalam proses mengumpul maklumat. Maklumat-maklumat diperolehi daripada buku-buku yang telah diterbitkan. Antara bahan bacaan yang dikaji diperolehi daripada perpustakaan Universiti Malaya, buku-buku rujukan yang dibeli sendiri dari kedai buku dan buku yang dipinjam daripada rakan-rakan.

#### **3.3.2 : Pemerhatian**

Selain itu, pemerhatian juga telah dilakukan sepanjang berada di PUSTEKMA semasa menjalankan kajian. Pemerhatian ini sebenarnya telah dilakukan sejak menjalani latihan industri di PUSTEKMA. Di dapati PUSTEKMA dan pasukan-pasukan Tentera Darat yang lain mempunyai masalah dalam urusan yang berkaitan pengagihan dan penempahan komputer.



### 3.3.3 : Temuramah


Temuramah telah dipilih berbanding soal-selidik sebagai salah satu proses pengumpulan maklumat kerana didapati bahawa maklumat yang akan diperolehi lebih padat dan boleh dipercayai jika berbanding dengan soal-selidik yang mana ia hanya terhad kepada beberapa soalan yang terdapat dari borang soal-selidik. Selain itu, ia dipilih kerana kemusykilan yang timbul dapat boleh dijelaskan semasa temuramah dijalankan. Temuramah telah dilakukan terhadap pihak PUSTEKMA yang terlibat dengan urusan pengagihan komputer.

### 3.3.4 : Pelayaran Internet

Selain sorotan dokumen, temuramah dan pemerhatian, pelayaran internet juga dilakukan bagi memperoleh maklumat tambahan.

### 3.4 : Analisa temuramah

Daripada temuramah yang telah dijalankan didapati bahawa responden bersetuju dengan cadangan untuk membangunkan SMPPK. Berikut adalah peratusan yang menunjukkan cadangan pembangunan sistem ini dipersetujui.



rajah 3.2 : Carta pai yang menunjukkan persetujuan

Temuramah telah dilakukan terhadap pihak pengurusan iaitu pihak yang mengendalikan urusan pengagihan komputer di PUSTEKMA, pengurus dan pengguna iaitu pihak-pihak dari pasukan Tentera Darat yang terlibat.

## **BAB 4 : ANALISA SISTEM**

### **4.1 Pendahuluan**

Keperluan sistem adalah deskripsi bagi fungsi-fungsi yang akan dilaksanakan bagi sistem maklumat baru yang dicadangkan. Secara umumnya, keperluan sistem boleh dilihat dalam tiga kategori iaitu keperluan fungsian, keperluan bukan fungsian dan keperluan teknikal. Keperluan teknikal ini terbahagi kepada keperluan perkakasan dan keperluan perisian.

Keperluan ini perlu ditentukan dengan tepat kerana jika gagal ia akan mendatangkan beberapa implikasi iaitu :

- 4.1.1 : Kos bagi pembangunan sistem akan melampaui kos asal yang dijangkakan
- 4.1.2 : Sistem maklumat tidak dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.
- 4.1.3 : Pengguna tidak berpuas hati dan berkemungkinan juga mereka akan menghindarkan diri daripada menggunakan sistem maklumat hanya kerana keperluan dan kehendak mereka tidak diterjemahkan dalam sistem maklumat.



## 4.2 : Keperluan Fungsian

Keperluan fungsian adalah aktiviti yang mesti dilaksanakan oleh sesebuah sistem maklumat bagi memenuhi keperluan perniagaan. Setelah melakukan analisis terhadap maklumat yang telah diperolehi, didapati bahawa keperluan fungsian bagi SMPPK ialah :

### 4.2.1 : Sistem menerima input penempahan.

Sistem berupaya untuk menerima input penempahan perkakasan komputer dari semua pasukan Tentera Darat di seluruh Malaysia.

### 4.2.2 Sistem boleh menjana laporan.

Sistem membolehkan pengguna mendapatkan maklumat mengenai status pegangan yang telah mereka perolehi.

### 4.2.3 Sistem menerima input pengagihan.

Sistem berupaya untuk menerima input pengagihan perkakasan komputer untuk setiap pasukan Tentera Darat di seluruh Malaysia.

### 4.2.4 Sistem menerima input login.

Sistem berupaya menerima input login dari pelbagai pihak dalam Angkatan Tentera Darat. Sistem berupaya mengenal pengguna yang login samada pengurusan tertinggi, pihak pengurusan atau pengguna biasa.

### 4.3 : Keperluan Bukan Fungsian

Keperluan bukan fungsian menerangkan ciri-ciri yang akan melengkapkan lagi sesuatu sistem maklumat di samping kekangan-kekangan yang wujud bagi menghadkan pilihan dalam membangunkan penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Di antara keperluan bukan fungsian yang dikenali ialah :

#### 4.3.1 : Keselamatan maklumat.

Sistem perlu menyokong keselamatan maklumat yang baik untuk mengelakkan sesuatu yang tidak diingini daripada berlaku.

#### 4.3.2 : Sistem mudah digunakan.

Sistem yang akan dibangunkan perlulah bersifat untuk memudahkan sesuatu urusan. Keadaan ini akan mengurangkan masa untuk mempelajari cara penggunaan sistem yang akan dibangunkan.

#### 4.3.3 : Antaramuka pengguna bersifat mesra-pengguna.

Antaramuka pengguna yang akan dibangunkan perlulah bersifat mesra-pengguna kerana keadaan ini akan mengelakkan pengguna daripada berasa bosan untuk menggunakan sistem tersebut.



#### 4.4 : Keperluan Perkakasan

SMPPK akan dibangunkan dengan menggunakan komputer peribadi yang mempunyai spesifikasi perkakasan minimum seperti Jadual 4.1:

Jadual 4.1 : Jadual spesifikasi perkakasan

Keperluan Perkakasan	Kapasiti / Jenis
1. Pemproses	Celeron 255Mhz
2. RAM	64 RAM
3. Monitor	Likom 14"
4. Peranti Input	Papan Kekunci, Tetikus
5. Peranti Output	Pencetak BJC1000SP
6. Pemacu Cakera Keras	10 GB
7. Sistem Pengendalian	Windows 98
8. Perkakasan tambahan	Kad Antaramuka Rangkaian (NIC)

#### 4.5 : Keperluan Perisian

Terdapat banyak bahasa pengaturcaraan yang boleh digunakan untuk membangunkan SMPPK ini. Di antara bahasa pengaturcaraan yang berada di pasaran sekarang termasuklah Visual Basic 6.0, Java, Javascript, dan sebagainya. Untuk bahasa pengaturcaraan, Visual Basic 6.0 telah dipilih atas sebab-sebab tertentu. Manakala untuk perisian yang akan membangunkan



pangkalan data pula, Microsoft Access 2000 telah dipilih. Berikut adalah kelebihan-kelebihan bagi perisian yang telah dipilih.

#### 5.4.1 : Microsoft Visual Basic 6.0

Perisian ini dipilih kerana ia berasaskan konsep antaramuka bergrafik. Ia bersifat 'even-driven' di mana sesuatu objek boleh dibina dengan mudah menggunakan antaramuka dan kod. Visual Basic 6.0 membolehkan aturcara yang rumit dihasilkan dengan mudah tanpa perlu menulis ratusan baris kod. Ia hanya menekankan fungsi yang akan dilakukan oleh objek. Visual Basic 6.0 amat sesuai dengan sistem pengendalian windows 98 dan seterusnya. Visual Basic 6.0 mampu menyokong pelbagai jenis pangkalan data termasuklah Microsoft Access, Foxpro, Informix dan sebagainya. Di samping itu, ia merupakan cara yang paling mudah dan pantas untuk membangunkan aplikasi windows. Selain itu Visual Basic 6.0 juga mempunyai ciri-ciri tambahan seperti berikut:

5.4.1.1 : Mempunyai sokongan Active X yang lengkap yang membolehkan integrasi dan automasi aplikasi lain termasuk Microsoft Word, Excel, aplikasi Windows dan Microsoft Office yang lain.

5.4.1.2: Boleh diintegrasikan dengan sistem pangkalan data Microsoft Access 2000 tanpa perlu kepada perisian tambahan.

5.4.1.3: Boleh membangunkan antaramuka pangguna grafik yang menarik, interaktif dan memenuhi ciri-ciri mesra pengguna.

#### 5.4.2 : Microsoft Access 2000

Microsoft Access 2000 merupakan satu sistem pengurusan pangkalan data yang terbaik yang digunakan dalam persekitaran Windows. Ia membenarkan data-data dicipta dan diproses dalam pangkalan data tersebut. Ia juga membenarkan data dibetulkan walaupun selepas sesuatu data dimasukkan.

Pembangunan sesebuah pangkalan data menggunakan perisian ini adalah sangat mudah dan menggunakan masa yang tidak lama.


Sebahagian daripada ciri-ciri utama perisian Microsoft Access ialah:

1. Masukkan dan kemaskini data : perisian ini menyediakan mekanisme untuk menambah data, menukar data, membuang data dan sebagainya.
2. *Queries* : Dengan menggunakan Access, adalah mudah untuk mengajukan soalan- soalan kompleks berkenaan data di dalam pangkalan data serta menerima jawapan segera.
3. Borang : Di dalam Access, kita boleh menghasilkan borang yang menarik dan berguna sebagai rujukan dan pengemaskinian data.
4. Laporan : Access mengandungi ciri- ciri yang membenarkan kita mereka suatu laporan yang sofistikated dengan mudah dalam persembahan data.
5. Sokongan laman web : Access membenarkan kita menyimpan objek (laporan , jadual) di dalam format HTML supaya ia dapat dirujuk menggunakan browser. Kita juga boleh mereka laman data Access untuk membenarkan masa- sebenar mengakses suatu data di dalam sebuah pangkalan data menerusi internet.



Antara ciri-ciri tambahan bagi Microsoft Access ialah :

1. Saiz storan boleh ditingkatkan dengan memindahkan pangkalan data Access ke pangkalan data SQL Server untuk penggunaan dalam persekitaran yang lebih besar.
2. Menyediakan ciri-ciri antaramuka intuitif dan memenuhi ciri-ciri mesra pengguna bagi membolehkan pengguna membina sebuah pangkalan data.
3. Mudah diintegrasikan dengan kod-kod Microsoft Visual Basic 6.0 yang mana ia mempunyai satu format fail yang dipanggil MDE.
4. Bahasa pertanyaan pangkalan data iaitu SQL (Structured Query Language) boleh digunakan untuk membuat pertanyaan bagi mencapai maklumat yang dikehendaki dan terkandung di dalam pangkalan data.







## BAB 5 : REKABENTUK SISTEM

### 5.1 Pendahuluan

Proses rekabentuk merupakan salah satu langkah yang penting bagi memastikan segala masalah yang dihadapi akan diselesaikan sebaik mungkin. Dalam proses rekabentuk, terdapat beberapa aktiviti yang perlu diambil perhatian. Di antaranya ialah rekabentuk antaramuka, rekabentuk pangkalan data, rekabentuk struktur dan sebagainya. Selalunya implikasi keputusan rekabentuk kurang difahami oleh pengguna. Namun, dalam hal ini rekabentuk antaramuka pengguna dan rekabentuk struktur akan membantu pengguna untuk memahami sistem yang akan dibangunkan. Untuk SMPPK, rajah di bawah menunjukkan menu utama sistem yang akan dibangunkan.



Rajah 5.1 : Menu utama sistem.



Rajah 5.2 : Carta Alir Sistem


## 5.2 : Modul Sistem

Dalam SMPPK ini, terdapat 3 modul utama yang akan dibangunkan iaitu :

- Modul Penempahan
- Modul Pengagihan
- Modul Bantuan

### 5.2.1 : Modul Penempahan

Modul ini menunjukkan komponen-komponen sistem yang menyediakan perkhidmatan penempahan komputer bagi setiap pasukan dalam Tentera Darat. Di dalam modul ini dimuatkan borang input yang mana ia perlu diisi oleh pihak penempah komputer. Apabila borang tersebut siap diisi, ia akan dihantar kepada Pengarah PUSTEKMA.




Rajah 5.3 : Modul Penempahan



### 5.2.2 : Modul Pengagihan


Modul ini menunjukkan perkakasan komputer yang diagihkan kepada pasukan-pasukan yang terdapat dalam Tentera Darat. Modul ini akan digunakan oleh pihak PUSTEKMA yang mana hanya mereka yang akan memasukkan data. Pihak-pihak lain hanya boleh melihat laporan yang akan dipaparkan sahaja bagi tujuan keselamatan dan untuk mengelakkan kekeliruan. Terdapat beberapa cara paparan laporan. Laporan akan dipaparkan mengikut pasukan, nombor invois, kontrak dan nombor siri setiap perkakasan komputer yang ada.



Rajah 5.4 : Modul Pengagihan

### 5.2.3 : Modul Bantuan

Modul ini adalah untuk kegunaan pengguna pertama kali. Ia akan menunjukkan cara-cara menggunakan SMPPK terutamanya cara-cara menggunakan modul penempahan dan modul pengagihan.




Rajah 5.5 : Modul Bantuan

### 5.3 : Rekabentuk Antaramuka Pengguna

Rekabentuk antaramuka pengguna merupakan faktor utama yang akan dilihat atau dinilai oleh pengguna. Antaramuka pengguna bertujuan untuk memudahkan komunikasi pengguna komputer dengan sistem. Antaramuka pengguna yang akan dibangunkan perlulah konsisten, mudah difahami, mudah digunakan dan menarik. Ia adalah penting untuk memperbaiki produktiviti individu dan organisasi yang mana masa untuk pembinaan, latihan dan kos dikurangkan, memperbaiki sokongan dan mempertingkatkan taraf organisasi. Di samping itu juga ia penting untuk menjamin keselamatan pengguna.

Pelbagai prinsip perlu diambil kira untuk merekabentuk antaramuka pengguna yang baik. Di antaranya ialah kenalpasti faktor kepelbagaian,

menggunakan peraturan emas yang mana ia melihat kepada kekonsistenan sesuatu antaramuka, elakkan kesalahan dan pelbagai lagi. Berikut adalah antaramuka sistem yang dicadangkan.



Rajah 5.6: Antaramuka Utama Sistem

Antaramuka utama ini ( rujuk Rajah 5.6 ) akan dipaparkan sebaik sahaja kata laluan yang betul dimasukkan oleh pengguna. Pengguna boleh memilih urusan yang ingin dijalankan. Antaramuka berikutnya ialah antaramuka Modul Penempahan yang mana dapat diilustrasikan seperti Rajah 5.7.



**SMPPK**

**Penempahan**

Tarikh dan hari semasa

Maklumat Pasukan

Maklumat Perkakasan

Simpan Kosong Keluar

Rajah 5.7 : Antaramuka Modul Penempahan

Berikutnya adalah antaramuka bagi Modul Pengagihan. Pada antaramuka ini, pengguna boleh memasukkan data perkakasan komputer yang diagihkan dan dapat mencapai kembali maklumat mengenai komputer yang telah diagihkan.

The image shows a software interface for the 'Pengagihan' (Distribution) module. At the top, there is a title bar labeled 'Pengagihan'. Below it, on the right, is a field for 'Tarikh dan hari semasa' (Current date and day). On the left side, there is a sidebar containing three menu items: 'Borang Maklumat pengagihan', 'Laporan pengagihan', and 'Laporan penempahan'. The main area of the interface is labeled 'Bahagian paparan' (Display area). At the bottom, there is a horizontal toolbar with six buttons: 'Padam', 'Simpan', 'Kosong', 'Tambah', 'Batal', and 'Keluar'.

Rajah 5.8 : Antaramuka Modul Pengagihan

#### 5.4 : Rekabentuk Borang Input

Berikut adalah rekabentuk bagi borang input yang akan digunakan bagi urusan penempahan komputer dan pengagihan komputer. Borang ini akan dipaparkan apabila pengguna masuk ke dalam modul pengagihan dan modul penempahan.

PENEMPAHAN									
	Tarikh dan hari semasa								
